

Headline	PAM gesa bantuan diperluas		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	11 Apr 2020	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	32	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,018
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,053



PAM gesa bantuan diperluas

KUALALUMPUR: Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) menggesa agar bantuan aliran tunai segera turut diperluaskan bagi membantu firma perkhidmatan profesional menanganai impak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dalam satu kenyataan, PAM berkata, firma arkitek sama ada kecil atau besar serta firma perkhidmatan profesional lainnya, tidak dapat menikmati manfaat daripada langkahan subsidi upah yang diperkenal-

kan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) (Tambahan) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), baru-baru ini.

Ini berikutan firma profesional menggaji kebanyakannya pekerja profesional dan teknikal dengan gaji awal pada atau melebihi had siling RM4,000 sepertimana yang digariskan dalam pakej PRIHATIN tersebut.

Sehubungan itu, PAM mengge-

sa kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah jangka pendek, sederhana dan jangka panjang termasuk melepaskan semua bayaran tertunggak kepada arkitek (serta perunding profesional bangunan lain) yang sedang mengusahakan projek-projek sektor awam, termasuk agensi pembangunan negeri bagi invois bertarikh atau sebelum 29 Februari 2020, dengan kadar segera atau dalam masa dua minggu selepas berakhirnya PKP.

Menurut kenyataan itu, hampir kesemua firma arkitek kini dibebani fi tertunggak yang menyamai enam hingga 12 bulan daripada jumlah gaji mereka.

Pada masa sama, ia turut menggesa kerajaan untuk menyalurkan insentif kepada semua pemaju syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pemaju sektor swasta agar membayar penuh fi terbabit kepada pihak arkitek dan perunding profesional bangunan lain bagi invois ber-

tarikh atau sebelum 29 Februari 2020, dengan kadar segera atau dalam masa dua minggu selepas berakhirnya PKP.

"Masa diperlukan untuk menggerakkan semula rantaian bekalan itu memandangkan kerja-kerja pembinaan telah digantung sepanjang tempoh PKP dan penyambungan semula pula secara berperingkat mengikut ketetapan keselamatan kesihatan Covid-19.

- Bernama